

25/06/2001

Persatuan rayu naik gaji 16,000 pembantu perubatan

Shamshul Azree Samshir

BATU GAJAH, Ahad - Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Perubatan dan Kesihatan Semenanjung Malaysia (KKPPKSM) merayu kerajaan menimbangkan kenaikan gaji lebih 16,000 pembantu kesihatan atau atendan di seluruh negara.

KKPPKSM yang dianggotai lebih 7,000 pembantu kesihatan hospital kerajaan, mendakwa gaji permulaan RM422.40 adalah lebih rendah berbanding pekerja am dan pembantu am rendah.

Sebelum ini, pembantu kesihatan atau atendan menikmati kenaikan gaji selepas kerajaan meluluskan kenaikan 10 peratus gaji kakitangan perkhidmatan awam dalam Belanjawan 2000. Gaji mereka dinaikkan daripada RM384 kepada gaji sedia ada iaitu RM422.40.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk N Siva Subramaniam, berkata kongres memberi perhatian serius isu itu berikutan tuntutan ekonomi semasa.

"Saya difahamkan, KKPPKSM sedang menyiapkan memorandum mengenai tuntutan mereka untuk dibawa pada peringkat atasan," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Dwi Tahunan KKPPKSM cawangan Perak Kali Ke-11 di sini, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Omar Said dan Pengerusi KKPPKSM cawangan Perak, Y Rayappan.

Siva berkata, kerajaan perlu mengambil kira beberapa isu yang dihadapi kakitangan Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, katanya, usul tuntutan gaji minimum sebanyak RM1,200 akan terus diperjuangkan Cuepacs kerana ia mampu menyelesaikan pelbagai masalah, termasuk kecenderungan kakitangan awam berhijrah ke sektor swasta.

Mengenai kajian semula terhadap sistem gaji matriks oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Siva berkata, JPA sudah menyiapkan kajian semula itu.

"Kita akan bertemu pegawai JPA di Port Dickson selama dua hari mulai 5 Julai depan untuk berbincang mengenai skim perkhidmatan awam yang baru," katanya.

Sementara itu, Siva berkata, ucapan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung Umno, semalam perlu dilaksanakan setiap jabatan dan agensi kerajaan.

"Hayatilah konsep bekerja seperti dinyatakan Dr Mahathir," katanya.

Siva berkata, Cuepacs menyifatkannya sebagai ucapan yang lahir dari seorang pemimpin yang terbukti memiliki wawasan, bernas serta berpandangan jauh.

"Cuepacs akan terus memberi sokongan kepada kepemimpinan Dr Mahathir dan membantu dalam usaha memberi latihan serta pendedahan dalam bidang teknologi maklumat dan bahasa Inggeris," katanya sambil menambah, pihaknya akan berunding dengan JPA berhubung meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dan teknologi maklumat (IT) di kalangan kakitangan awam.

(END)